

GERAKAN ANARKIS DI TANAH MELAYU

1919 – 1925

oleh

KHOO KAY KIM,

*Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya.*

Semenjak tahun 1919 lagi telah muncul suatu Persekutuan Anarkis di Tanah Melayu. Beberapa persatuan anarkis sudah diasaskan terutama sekali di Ipoh, Kuala Lumpur, Seremban, Pulau Pinang dan Singapura. Maka pada pertengahan bulan Jun rusuhan berlaku di Singapura yang kemudian merebakke Pulau Pinang dan Province Wellesley. Ini merupakan suatu protes terhadap persetujuan yang telah dicapai di Persidangan Damai Versailles yang mengakibatkan penyerahan wilayah Shantung, di Negeri Cina, kepada Negeri Jepun. Di Negeri Cina sendiri suatu tunjuk perasaan raksaksa telah diadakan pada 4hb. Mei tahun 1919 dan ini dianggap sebagai suatu peristiwa mustahak dalam sejarah moden Negeri Cina.¹ Di Tanah Melayu, protes itu berlaku akibat hasutan anasir-anasir anarkis. Di Singapura, persatuan yang telah memainkan peranan utama dalam tunjuk perasaan bulan Jun itu ialah *Chan Seh* (Persatuan Kebenaran) yang sesungguhnya bergabung dengan *San Seh* (Persatuan Baharu), suatu pertubuhan anarkis di Negeri Cina.²

Gerakan anarkis di Tanah Melayu sebenarnya muncul akibat pengaruh tunjuk perasaan 1hb. Mei yang berlaku di Negeri Cina pada tahun 1919 juga. Oleh demikian di Tanah Melayu, sebilangan besar anggota-anggota persatuan-persatuan anarkis terdiri daripada kaum pekerja. Pemimpin-pemimpin utama gerakan ini, pada peringkat awal, ialah Moh Kim Fung, seorang guru di Sekolah Hon Man, Lahat, Perak, Lau Hak Fei yang berkhidmat dengan akhbar *Yik Khwan Po* di Pudu, Kuala Lumpur dan Li Hui Chau yang pada tahun 1923 menjadi pengasas Sekolah Malam Nam Hing di Pudu, Kuala Lumpur.

¹ Lihat Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement*, Cambridge, Massachusetts, 1964.

² C.O. 273/483, Sir Arthur Yound kepada Viscount Milner, 26 Julai 1919. [Rekod-rekod Pejabat Tanah Jajahan British, Siri Negeri-negeri Selat, (Colonial Office Records, Straits Settlement Series)] C.O. 273, [Jilid] 483. Salinan mikrofilem yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Malaya. Rujukan ini akan direngkaskan sabagai C.O. 273/483.]

Di Negeri Cina sendiri, pengaruh anarkis mulai merebak lebih kurang pada tahun 1907. Pada tahun itu, di Paris, seorang pelajar muda, Ng Chi Fai, telah menerbitkan sebuah majalah anarkis yang dikenal sebagai *San Sai Kai* (Dunia Baharu). Tetapi akhbar anarkis yang lebih berpengaruh ialah *Man Seang* (Suara Rakyat) yang diterbitkan pada tahun 1912 oleh Lau Sze Fuk (1884 - 1915). Lau Sze Fuk ialah seorang sahabat Ng Chi Fai dan dia biasanya dianggap sebagai "Bapa Faham Anarkis" di Negeri Cina. Majalah *Man Seang* juga diedarkan di Tanah Melayu. Keluaran yang terakhir disiarkan pada 15hb. Jun 1921. Kegiatan-kegiatan Lau Sze Fuk bermula pada tahun 1912 dan dua tahun kemudian, dia berjaya mengasaskan Parti Anarkis Negeri Cina.³ Salah seorang saudara Lau Sze Fuk ialah Lau Hak Fei yang memainkan peranan penting dalam gerakan anarkis di Tanah Melayu.

Pada 1hb. Mei tahun 1921, buat kali yang pertama suatu perayaan besar-besaran telah diadakan di Ipoh oleh anasir anarkis. Suatu tahun kemudian golongan ini cuba membahagikan beribu-ribu risalah anarkis di Ipoh tetapi tidak berjaya kerana tiada pencetak yang berani mencetakkan risalah-risalah itu. Walau bagaimana pun di antara tahun-tahun 1921 -1923, propaganda anarkis memang disebarikan melalui suratkabar dan majallah. Di Kuala Lumpur, peranan penting dimainkan oleh *Yik Khwan Po*. Jelas sekali ini berlaku kerana pada masa itu Lau Hak Fei bekerja untuk akhbar itu. Tetapi pada penghujung tahun 1921, Lau Hak Fei telah meletakkan jawatannya dan selama satu tahun akhbar itu tidak memberikan sebarang sumbangan kepada gerakan anarkis di negara ini.⁴ Walau bagaimanapun, gerakan itu terus berkembang. Pada tahun 1922, di Gopeng, Perak, seorang pemimpin anarkis baharu, Tsan Tat Chan, telah menerbitkan suatu risalah yang diberi nama *Yan Kheun* (Kuasa Kaum Murba) dan pada tahun 1923, Luk Ngai Man, seorang pencetak dari Pulau Pinang menggunakan kemudahan-kemudahan *Yik Khwan Po* untuk menerbitkan risalah *Tai Yeung* (Matahari) yang juga bertujuan menyebarkan ideologi anarkis.

Gerakan anarkis memasuki suatu peringkat yang lebih giat lagi pada tahun 1924. Beberapa pemimpin baharu telah muncul. Mereka ialah:

Lai Wan — Kuala Lumpur

³ Chow Tse-tsung, *The May-Fourth Movement*, ms. 97.

⁴ C.O. 273/516. *Malayan Bulletin of Political Intelligence*, No.2 (April) dan 4 (June) 1922.

Ng Chi San	—	seorang kerani di Kedai Tukang Emas Sai Shing, Kuala Lumpur
Tham Cheuk Ming dan Fu Hon Wah	—	Kedua-duanya bekerja dengan <i>Yik Khwan Po</i>
Chu Kheung	—	seorang pembuat terompah kayu di Ampang
Lai Chi Theng <i>alias</i> Ho Taan	—	Kuala Lumpur
Sui Sek dan Wong Kheung Ah	—	Ipoh
Fu Mong Sang dan Thai Sui	—	Pulau Pinang
Fu Wai Shang	—	Seremban
Leong Yat Yu	—	guru di Sekolah Sheung Mo, Singapura.

Ramai diantara anggota-anggota Kesatuan Pencetak yang menjadi penganut faham anarkis, maka pada tahun 1924, mereka menerbitkan sebuah majalah baharu - *Kwong Ming* (Cahaya). Majalah ini juga dicetak di bangunan *Yik Khwan Po* dan diedarkan di kalangan kaum pekerja dan murid-murid sekolah.

Pada bulan Februari tahun 1924, Persekutuan Anarkis telah mengadakan suatu mesyuarat penting di Pulau Pinang di mana mereka membuat ketetapan akan mengambil segala kesempatan untuk memperluaskan lagi penyibaran faham anarkis. Anggota-anggota Persekutuan itu diberi arahan menggunakan peluang untuk memberi ucapan dalam mesyuarat kesatuan-kesatuan sekerja dan persatuan-persatuan lain. Dan mereka yang bekerja di kilang disuruh mencuba untuk mempengaruhi rakan-rakan mereka. Pengurus-pengurus sekolah dan juga murid-murid pun perlu dipujuk menjadi anarkis.

Gerakan anarkis di Tanah Melayu sebenarnya tidak dengan sepenuhnya berasaskan gerakan anarkis di Negeri Cina, kerana di Negeri Cina, terutama sekali setelah Lau Sze Fuk meninggal pada tahun 1915, gerakan itu mulai menjadi lemah dan dengan munculnya gerakan Komunis pada tahun 1920 - 1921, ramai diantara penganut faham anarkis yang menjadi Komunis.

Tetapi gerakan anarkis di negara ini juga tidak kekal. Pada tahun 1925, di Kuala Lumpur suatu percubaan telah dibuat untuk membunuh

Pelindong Kaum Cina, Selangor, iaitu Daniel Richards. Seorang wanita berumur 26 tahun, Wong Sau Ying *alias* Wong Shang, meletupkan sebiji bom di Pejabat Pelindong Kaum Cina itu pada 23hb. Januari dan selain daripada Daniel Richards, pembantunya, W.L. Blythe, telah juga tercedera walaupun tidak parah. Wanita itu memang seorang anarkis yang pernah mengunjungi Shanghai dan Peking. Pada tahun 1919, ia berada di Pulau Pinang di mana ia tinggal bersama-sama dengan seorang anarkis yang aktif - Mak Peng Cho. Mak Peng Cho dibuang negeri pada tahun 1923 dan Wong Sau Ying telah mengiringinya kembali ke Negeri Cina. Tetapi pada akhir tahun itu Mak Peng Cho terbunuh dan Wong Sau Ying pulang ke Tanah Melayu. Akibat peristiwa di Pejabat Pelindong Kaum Cina itu, Wong Sau Ying telah dipenjarakan selama 10 tahun.⁵

Dengan itu maka berakhirilah riwayat gerakan anarkis di Tanah Melayu terutama sekali kerana pada masa itu gerakan Komunis mulai bertambah kuat dan dengan secara tidak rasmi suatu percantuman telah berlaku di antara anasir-anasir anarkis dengan Komunis.⁶

⁵ C.O. 717/41, Sir Laurence Guillemard kepada L.C.M.S. Amery, 23 April 1925.

⁶ Makalah ini pada dasarnya diasaskan kepada suatu laporan berjudul "Anarchism among Chinese in British Malaya" bertarikh 26hb. Jan. 1925 yang disediakan oleh A.M. Goodman, Pemangku Setiausaha untuk Hal-ehwal Orang Cina, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. (Lihat *ibid.*)